



الجمهورية الإسلامية ماليزيا

MAJLIS DAERAH TANJONG MALIM

Peti Surat 59,
35900 Tanjong Malim,
PERAK DARUL RIDZUAN.

Telefon : 05-4563410

05-4563420

Faks : 05-4563430

05-4563440

Laman : <http://www.mdtm.gov.my>

Ruj. Kami : Bil. (3) dlm.MDTM(LANDSKAP)L12/02/02/21

Tarikh : 22 Jun 2021

11 Zulkaedah 1442H

KENYATAAN SEBUTHARGA

1. Tawaran adalah dipelawa daripada Kontraktor Bumiputera yang mempunyai Sijil Perolehan Kerajaan berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) dalam Gred kategori dan Pengkhususan serta Kementerian Kewangan Malaysia yang berkaitan serta masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja seperti berikut:-

NO. SEBUTHARGA	BUTIR-BUTIR TAWARAN	SYARAT PENDAFTARAN	HARGA DOKUMEN
SH MDTM(LANDSKAP) L04/2021	Cadangan Kerja-kerja Cantasan Pokok Tepi Bahu Jalan Di Sekitar Taman Perumahan Kawasan Tanjong Malim, Perak	Berdaftar dengan Kementerian Kewangan di bawah Kod Bidang 221402, Daerah Muallim Bumiputera	RM 30.00
SH MDTM(LANDSKAP) L05/2021	Kerja-Kerja Menyelenggara Alat Permainan Kanak-kanak Dan Alat Senam Dewasa Kawasan Slim River Fasa 1	Berdaftar dengan Kementerian Kewangan di bawah Kod Bidang 030501 atau 030101, Daerah Muallim Bumiputera	RM 30.00

2. Pendaftaran kontraktor dibuka dengan mengisi borang MDTM(IKLAN)01/21 yang boleh diperolehi di portal MDTM. Tuan/puan dikehendaki mengisi borang tersebut dan hantar semula ke Jabatan Perancangan Pembangunan Dan Landskap melalui emel shperancangmdtm@gmail.com. Sila sertakan bersama Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan, Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor dan Sijil Taraf Bumiputera (PKK). Hanya sebutharga yang berkelayakan sahaja dibenarkan membeli sebutharga tersebut. Sila hantar pada 24 hingga 30 Jun 2021. Borang yang dihantar selepas tarikh tersebut akan ditolak.

3. Jabatan Perancangan akan menghubungi kontraktor yang layak membeli sebutharga tersebut. Kontraktor yang layak perlu membuat bayaran secara online untuk setiap sebutharga yang dibeli. Sila emel bukti pembayaran kepada shperancangmdtm@gmail.com. Pembayaran perlu dibuat sebelum 2 Julai 2021.

5. Penyebutharga boleh melawat sendiri kawasan atau tapak projek dengan mematuhi SOP Perintah Kawalan Pergerakan iaitu mengamalkan penjarakan fizikal, menggunakan *hand sanitizer* dan memakai penutup muka.

6. Pihak MDTM tidak akan mengadakan lawatan tapak untuk kerja-kerja tersebut.

7. **Dokumen yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri dengan mencatatkan nombor tawaran dipenjuru sebelah kiri dan dimasukkan ke dalam peti tawaran di Jabatan Perancangan Pembangunan, Tingkat 1, Blok B, Pejabat Majlis Daerah Tanjong Malim pada atau sebelum 8 Julai (Khamis) jam 12.00 tengah hari. Sila lampirkan salinan tiga bulan penyata bank dari bulan Mac, April dan Mei 2021 serta senarai pengalaman kerja terdahulu yang berkaitan dengan sebutharga ini. Sebarang tawaran yang diterima selepas tarikh dan masa yang ditetapkan akan di tolak.**


7. Sebarang pertanyaan berkaitan kenyataan ini boleh menghubungi talian MDTM 05-4563410/420 (Puan Izwaharyanie Binti Zulkepli).

8. Majlis ini tidak tertakluk untuk menerima tawaran yang terendah atau mana-mana tawaran tertentu.

Sekian dimaklumkan. terima kasih.

"PRIHATI RAKYAT : DARURAT MEMERANGI COVID-19"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(FAIZAL NIZAM BIN MD NOR)
Yang Dipertua
Majlis Daerah Tanjong Malim

"SEJAHTERA RAKYAT PERAK DARUL RIDZUAN"

Nama Syarikat/ Kontraktor : _____

Alamat : _____

No. Telefon (P) : _____

(H) : _____

NO. SEBUTHARGA	BUTIR-BUTIR TAWARAN	SYARAT PENDAFTARAN	HARGA DOKUMEN	SEBUTHARGA YANG INGIN DIBELI (SILA TANDA)
SH MDTM (LANDSKAP) L04/2021	Cadangan Kerja-kerja Cantasan Pokok Tepi Bahu Jalan Di Sekitar Taman Perumahan Kawasan Tanjong Malim, Perak	Berdaftar dengan Kementerian Kewangan di bawah Kod Bidang 221402, Daerah Muallim Bumiputera	RM 30.00	
SH MDTM (LANDSKAP) L05/2021	Kerja-Kerja Menyelenggara Alat Permainan Kanak-kanak Dan Alat Senam Dewasa Kawasan Slim River Fasa 1	Berdaftar dengan Kementerian Kewangan di bawah Kod Bidang 030501 atau 030101, Daerah Muallim Bumiputera	RM 30.00	